

Soalan Lazim: Semakan Bayaran Ansuran Pembiayaan Hartanah-i

Q1: Mengapa saya menerima notis/SMS daripada pihak Bank yang memaklumkan kepada saya bahawa amaun ansuran saya akan disemak semula kepada amaun yang lebih rendah mulai 01/10/2020?

- A1: Ansuran anda disemak semula berdasarkan gabungan 3 faktor
- Moratorium berakhir (6 bulan dari April 2020 hingga September 2020)
 - Perubahan Kadar Rujukan: IBR/IFR/12-bulan FDR pada 12 Mei 2020 (-0.50%)
 - Perubahan Kadar Rujukan: IBR/IFR/12-bulan FDR pada 10 Julai 2020 (-0.25%)

Hong Leong Islamic Bank telah melaraskan kadar rujukan seperti berikut:

Kadar Rujukan	12/5/2020	10/07/2020
Kadar Asas Islamik (IBR)	2.88% p.a.	2.63% p.a.
Kadar Pembiayaan Islamik (IFR)	5.89% p.a.	5.64% p.a.
Kadar Deposit Tetap-i 12-bulan (FDR)	1.85% p.a.	1.60% p.a.

Sejajar dengan pelarasan ini, pihak Bank telah menyemak akaun Pembiayaan Hartanah-i anda dan telah membuat semakan pada ansuran anda dengan sewajarnya sehingga pembiayaan penuh diselesaikan dalam baki tempoh pembiayaan.

Q2: Saya mempunyai pembiayaan sedia ada dengan Hong Leong Islamic Bank. Adakah pengurangan kadar rujukan akan memberi kesan kepada kadar keuntungan efektif untuk akaun pembiayaan saya?

A2 : Ya. Sekiranya akaun pembiayaan sedia ada anda adalah berdasarkan kadar rujukan, kadar keuntungan efektif akaun anda akan disemak semula pada Mei dan Julai 2020.

Q3 : Saya menyedari bahawa amaun bayaran ansuran saya telah disemak semula. Mengapakah saya tidak menerima surat pemberitahuan daripada pihak Bank untuk memaklumkan tentang semakan semula ansuran ini?

A3: Surat pemberitahuan tentang semakan semula ansuran telah dihantar kepada anda melalui mel biasa pada September 2020 berdasarkan alamat surat-menyurat yang diberikan oleh anda. Sekiranya anda telah mengubah alamat surat-menyurat anda, anda dinasihatkan untuk mengunjungi cawangan terdekat kami untuk mengemaskini alamat surat-menyurat anda.

Q4: Bagaimanakah penyemakan semula ansuran saya dikira?

- A4: Semakan semula ansuran anda dikira berdasarkan :
- baki tertunggak pembiayaan anda pada 17 September 2020
 - baki tempoh dan,
 - kadar keuntungan efektif semasa pada 17 September 2020
- Ansuran yang disemak akan dikira berdasarkan formula pelunasan pembiayaan standard.

Q5: Saya mempunyai beberapa akaun pembiayaan dengan pihak Bank. Mengapakah saya hanya menerima satu surat pemberitahuan daripada pihak Bank?

A5: Sekiranya anda tidak menerima sebarang surat pemberitahuan untuk akaun anda yang lain, ini bermakna akaun anda yang lain telah dikecualikan daripada semakan semula ansuran pada kali ini, maka dengan sebab itu perubahan ansuran tidak diperlukan. Kami akan terus menyemak semua akaun anda apabila dan sekiranya perubahan diperlukan dan akan memaklumkan kepada anda sewajarnya.

Soalan Lazim: Semakan Bayaran Ansuran Pembiayaan Hartanah-i

Q6: IBR dan IFR dikurangkan sebanyak 2 kali. Mengapa hanya 1 kali semakan semula ansuran dilakukan?

A6: Akaun anda Turut-Serta secara Automatik untuk Moratorium, oleh itu anda tidak perlu membuat sebarang pembayaran. Pihak Bank telah merancang untuk menukar ansuran pada bulan Oktober 2020 setelah tamat tempoh Moratorium.

Untuk pengurangan IBR, IFR dan FDR pada 12 Mei 2020 dan 10 Julai 2020 dan akhir Moratorium, pihak Bank telah memutuskan untuk menggabungkan kedua-dua semakan tersebut dan menjadi ansuran tunggal yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2020

Sila rujuk ilustrasi di bawah untuk lebih memahami:-

Baki tertunggak pembiayaan : RM 350,000

Baki tempoh : 20 tahun

	Kadar Keuntungan Efektif	Jumlah Ansuran	
Pada 30 Apr 2020	4.25%	RM 2,168	
Pada 12 Mei 2020	3.75%	RM 2,076	
Pada 10 Jul 2020	3.50%	RM 2,031	
Pada 1 Okt 2020	3.50%	RM 2,031 jika anda telah membuat bayaran semasa moratorium	RM 2,105 Jika anda TIDAK membuat sebarang bayaran dalam tempoh moratorium, sebarang penangguhan keuntungan tidak akan dikompaun tetapi akan segera ditolak selesai terhadap ansuran dibayar semasa permulaan pembayaran ansuran, sehingga keuntungan yang ditangguhkan diselesaikan sepenuhnya.

Soalan Lazim: Semakan Bayaran Ansuran Pembiayaan Hartanah-i

Q7: Jumlah ansuran saya yang disemak semula adalah lebih rendah daripada jumlah ansuran saya yang lama/jumlah lebih tinggi. Bolehkah saya mengekalkan jumlah ansuran bulanan saya yang lama/jumlah lebih tinggi?

A7: Ya. Anda dikehendaki mengisi dan menandatangani Borang Permintaan Perkhidmatan (SRF) untuk mengekalkan ansuran lama/ jumlah lebih tinggi. Anda boleh memilih/menghantar SRF di cawangan terdekat atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

Walau bagaimanapun, kami ingin mengingatkan anda bahawa sekiranya berlaku penyemakan ansuran yang akan datang (sama ada ke atas atau ke bawah) kerana perubahan pada kadar rujukan (IBR /IFR / FDR), sekali lagi mempengaruhi jumlah ansuran lama anda seperti sebelumnya.

Dengan jangkaan semakan yang menurun, jika anda masih ingin mengekalkan jumlah ansuran lama/jumlah lebih tinggi, anda perlu mengemukakan permintaan baru kepada Bank.

Q8: Jumlah ansuran saya yang disemak semula adalah lebih tinggi daripada jumlah ansuran saya yang lama. Jika saya ingin membayar jumlah ansuran lama. Bolehkah saya memilih untuk mengekalkan jumlah ansuran bulanan saya yang lama/ ansuran bulanan yang rendah?

A8: Ya. Sekiranya anda merasakan kesulitan dalam membuat pembayaran dan ingin mendapatkan bantuan pembayaran pada 1 Oktober 2020, sila hubungi kami sekarang bagi mendapatkan bantuan yang anda perlukan.

Anda boleh menghubungi Bank melalui talian hotline, e-mel atau mengunjungi cawangan kami:

- HLB Customer Collections: 603-79591888 (Isnin-Jumaat, 8.45 pagi-7.00 petang)
- HLB Contact Centre: 603-7626 8899 (Isnin-Sabtu 9.00 pagi – 9.00 petang)
- Untuk Pelanggan Individu, sila e-mel ke: paymentrelief@hlbb.hongleong.com.my
- Untuk Pelanggan PKS, sila e-mel ke: sme@hlbb.hongleong.com.my

Anda juga boleh mengemukakan permohonan anda melalui laman sesawang Korporat kami di: <https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/home/loan-financing-payment-relief-application.html?icp=hlb-en-others-cta-txt-inform-5>

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Pelan Bantuan Pembayaran HLB, sila rujuk laman sesawang korporat dan Soalan Lazim kami di:

<https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/news-updates/hlb-payment-relief-assistance-plan.html?icp=hlb-en-home-ovbanner-img-relief>

TAMAT